

27/08/2003

Thailand nafi tindakan bersifat perkauman

KANGAR: Kerajaan Thailand menjelaskan tindakan yang diambil terhadap anggota militan di negara itu bukan bermotifkan perkauman atau agama, tetapi menjaga keselamatan orang ramai termasuk pemimpin kerajaan yang menghadiri Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok, Oktober ini.

Jurucakap Jabatan Perdana Menteri Thailand, Argard Pinsuvana, berkata pihaknya tidak menjadikan agama dan kaum sebagai alasan mengambil tindakan tegas terhadap militan Islam.

"Semua tindakan bukan bersifat perkauman atau agama. Semuanya kerana faktor keselamatan," katanya ketika dihubungi di Bangkok, semalam.

Argard berkata, kerajaan Thailand juga akan meneruskan kerjasama erat dengan Malaysia membanteras keganasan.

"Seperti kata Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kedua-dua negara berada dalam situasi yang sama," katanya.

Beliau berkata, ketika ini semua anggota keselamatan diarah memperketatkan kawalan bagi mengelak kejadian pengeboman di Jakarta berlaku di Bangkok yang bakal menjadi tuan rumah Apec.

Katanya, kerajaan Thailand membuat persiapan rapi termasuk memperketatkan kawalan keselamatan sejak setahun lalu bagi memastikan sidang kemuncak Apec lancar.